



**MEDIA STATEMENT
FOR MALAYSIA'S SMALL AND MEDIUM ENTERPRISES (SMEs)
PERFORMANCE 2020**

SMEs GDP contracted 7.3 per cent to register RM512.8 billion in 2020

PUTRAJAYA, July 28th 2021 – Today, the Department of Statistics, Malaysia (DOSM) released the statistics of **Malaysia's Small and Medium Enterprises (SMEs) for year 2020**. The SMEs statistics present the SMEs contribution to the economy in terms of Gross Domestic Product (GDP), Exports and Employment.

The prolonged health crisis caused by the pandemic of COVID-19 in 2020 has affected Malaysia's businesses especially the Small and Medium Enterprises (SMEs). The nationwide Movement Control Order (MCO) which includes various measures to curb the spread of COVID-19 has resulted in a decline of all Malaysia's economic sectors.

According to Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, the Chief Statistician of Malaysia, "The SMEs' GDP for year 2020 contracted 7.3 per cent, higher than the decline in the Malaysia's GDP and Non-SMEs GDP which registered negative 5.6 per cent and negative 4.6 per cent respectively. Since 2004, this was the first time the SMEs performance was lower than Malaysia's GDP and Non-SMEs GDP. The contribution of SMEs GDP eased to 38.2 per cent in 2020 with a value added of RM512.8 billion as against 38.9 per cent or RM553.5 billion in the preceding year".

Commenting further on SMEs GDP performance by kind of economic activity, he mentioned that, "SMEs GDP for all sectors recorded a negative growth in 2020. SMEs value added for Services sector decreased 9.2 per cent in 2020 from 7.5 per cent in 2019. The sluggish momentum was attributed to the decline in Wholesale & retail trade, food & beverages and accommodation sub-sector which posted a negative growth at 7.8 per cent. Finance, insurance, real estate and business services sub-sector also decreased in 2020 to negative 10.6 per cent".

Furthermore, SMEs in Construction sector also declined 15.4 per cent contributed by the decline in all its sub-sectors. Value added of SMEs for Manufacturing sector registered a negative growth of 2.9 per cent influenced by Non-metallic mineral products, basic metal & fabricated metal products which plummeted to 13.1 per cent. However, Petroleum, chemical, rubber and plastic products and Food, beverages & tobacco products continued with positive growth at 3.2 per cent and 2.0 per cent respectively.

Value added of SMEs in Mining & quarrying sector dropped to 7.1 per cent in 2020. In addition, the value added of SMEs in Agriculture sector decreased to 0.3 per cent attributed by a decrease in all sub-sectors except for Livestock and Other agriculture which continued with a positive growth.

SMEs Exports

Chief Statistician of Malaysia also highlighted, "Contribution of SMEs exports to total exports in 2020 was 13.5 per cent where 9.4 per cent was from the Manufacturing sector. Furthermore, Services sector contributed 3.9 per cent and Agriculture sector 0.3 per cent. Exports of SMEs registered a decline of 33.1 per cent to RM117.8 billion in 2020 as compared to a growth of 2.6 per cent in 2019, attributed by Services

(-62.1%) and Manufacturing (-3.6%) sectors. SMEs exports of Agriculture sector in 2020 was RM2.3 billion, recorded a growth of 2.5 per cent, driven by the increase in SMEs exports for vegetables, fisheries, poultry, banana and durian. However, exports of durian (includes fresh, frozen, pulp and paste) registered an increase of 34.6 per cent in 2020 to RM570.8 million as compared to RM424.1 million in 2019. The main destinations in 2020 were China (70.3%), Singapore (8.3%) and Hong Kong (6.1%)".

Exports of SMEs in the Manufacturing sector which contributed 69.3 per cent of total SMEs exports in 2020, was supported by Miscellaneous manufactured articles, manufactured goods and machinery & transport equipment. The main destination for SMEs exports of the Manufacturing sector was Singapore which constituted 20.6 per cent followed by China (12.3%) and the United States (7.4%). SMEs exports of Services sector declined to RM33.9 billion as compared to RM89.3 billion in 2019. This was led by double digit declining in travel and transport activities.

SMEs Employment

Commenting on the SMEs employment situation in 2020, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said "A larger decline was observed in SMEs employment as against a decrease in national employment indicating SMEs was hit harder by the pandemic. SMEs employment recorded a decrease of 0.9 per cent to 7.3 million persons in 2020,

constituted 48.0 per cent of the national employment (2019: 48.4%).

SMEs employment for Agriculture sector which comprised of 41.8 per cent or 779 thousand persons, was the only sector posted an increase during the year, albeit at a marginal rate of 0.5 per cent. The share of SMEs employment for the Mining & quarrying sector posted a rise of 0.2 percentage points to 28.3 per cent but in terms of number, it decreased by 1.3 per cent to 21 thousand persons. In the meantime, SMEs employment in the Manufacturing sector dropped marginally by 0.4 per cent with a contribution of 46.5 per cent while SMEs employment in Construction sector which comprises of 48.1 per cent, continued to decline by 4.9 per cent in 2020 (2019: -3.4%). As for SMEs employment in Services sector, recorded a share of 49.9 per cent, went down by 0.6 per cent to record 4.6 million persons in 2020.


Elaborating on SMEs labour productivity, the Chief Statistician said, “SMEs labour productivity as measured by value added per employment dropped by 6.5 per cent in 2020 to record a value of RM70,706. All economic sectors posted a decline in SMEs labour productivity during the year with Construction sector dropped double digit of 11.1 per cent followed by Services (-8.6%) and Mining & quarrying (-5.9%) sectors. In addition, SMEs labour productivity in Manufacturing sector decreased 2.5 per cent while Agriculture sector declined marginally by 0.8 per cent.”

Chief Statistician of Malaysia concludes that, “The vulnerable segments of the economy especially micro, small and medium enterprises are foreseen to continue facing immense challenges in the near term. The SMEs are going to experience harder consequences in recovering especially in the midst of prolonged health crisis attributed to the escalation of COVID-19 cases and social and economic restrictions that imposed nationwide. However, the ongoing measures in the form of specific economic stimulus packages for SMEs that have been initiated by the government perhaps could limit the human and economic impact of the COVID-19 to Malaysia’s SMEs.”

The Malaysia Population and Housing Census 2020 (Malaysia Census 2020) via online (e-Census) is being conducted nationwide until full coverage has been accomplished. All Malaysian residents are urged to cooperate in realising the success of Malaysia Census 2020 to ensure that no one is left behind as your data is our future. Please visit the Malaysia Census 2020 portal at www.mycensus.gov.my or social media @MyCensus2020 for more info.

APPENDIX 1

Chart 1: Malaysia's GDP, SMEs GDP and Non-SMEs GDP at Constant Prices - Annual Percentage Change



Notes: ¹Growth of SMEs based on 2014 New SME Definition versus 2013 Old SME Definition
²Growth of SMEs based on 2014 New SME Definition versus 2013 New SME Definition
³Growth of Non-SMEs based on 2014 New SME Definition versus 2013 Old SME Definition
⁴Growth of Non-SMEs based on 2014 New SME Definition versus 2013 New SME Definition

Chart 2: Malaysia's GDP and SMEs GDP at Constant 2015 Prices - Value and Percentage Share




Chart 3: SMEs GDP by Sector at Constant 2015 Prices - Annual Percentage Change




Chart 4: SMEs Exports by Sector - Annual Percentage Change





Chart 5: Employment - Number, Contribution and Annual Percentage Change



EMBARGO: Hanya boleh diterbitkan atau disebarkan mulai **jam 1200, Rabu, 28 Julai 2021**



**KENYATAAN MEDIA
BAGI PRESTASI PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA (PKS)
MALAYSIA 2020**

KDNK PKS merosot 7.3 peratus, mencatatkan RM512.8 bilion pada 2020

PUTRAJAYA, 28 Julai 2021 – Hari ini Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah menerbitkan statistik **Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) Malaysia bagi tahun 2020**. Statistik PKS ini memperincikan sumbangan PKS kepada ekonomi dari segi Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK), Eksport dan Guna tenaga.

Krisis kesihatan yang berpanjangan disebabkan oleh pandemik COVID-19 pada tahun 2020 telah mempengaruhi ekonomi Malaysia terutamanya Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS). Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di seluruh negara yang merangkumi pelbagai langkah bagi membendung penularan COVID-19 telah menyebabkan penurunan prestasi semua sektor ekonomi.

Menurut Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia, "KDNK PKS bagi tahun 2020 menyusut 7.3 peratus, lebih tinggi berbanding kemerosotan KDNK Malaysia dan KDNK Bukan PKS yang mana masing-masing mencatatkan negatif 5.6 peratus dan negatif 4.6 peratus. Sejak 2004, ini merupakan kali pertama prestasi KDNK PKS lebih rendah berbanding KDNK Malaysia dan KDNK Bukan PKS. Sumbangan KDNK PKS mengecil kepada 38.2 peratus pada tahun 2020 dengan nilai ditambah sebanyak RM512.8 bilion berbanding 38.9 peratus atau RM553.5 bilion pada tahun sebelumnya".

Mengulas lanjut mengenai prestasi KDNK PKS mengikut aktiviti ekonomi, beliau menyatakan bahawa, "KDNK PKS bagi semua sektor merekodkan pertumbuhan negatif pada tahun 2020. Nilai ditambah PKS bagi sektor Perkhidmatan menyusut 9.2 peratus pada tahun 2020 daripada 7.5 peratus pada tahun 2019. Kemerosotan momentum ini adalah disebabkan oleh penurunan bagi subsektor Perdagangan borong & runcit, makanan & minuman dan penginapan yang mencatatkan pertumbuhan negatif 7.8 peratus. Subsektor Kewangan, insurans, hartanah dan

perkhidmatan perniagaan turut menyusut pada tahun 2020 kepada negatif 10.6 peratus”.

Selain itu, PKS bagi sektor Pembinaan turut merosot 15.4 peratus disumbangkan oleh kejatuhan dalam semua subsektor. Nilai ditambah PKS bagi sektor Pembuatan mencatatkan pertumbuhan negatif 2.9 peratus dipengaruhi oleh Produk mineral bukan logam, logam asas & produk logam yang direka yang mana merosot kepada 13.1 peratus. Walau bagaimanapun, Produk petroleum, kimia, getah dan plastik dan Produk makanan, minuman & tembakau masing-masing terus mencatatkan pertumbuhan positif iaitu 3.2 peratus dan 2.0 peratus.

Nilai ditambah PKS bagi sektor Perlombongan & pengkuarian jatuh 7.1 peratus pada tahun 2020. Selain itu, PKS bagi sektor Pertanian menyusut 0.3 peratus disebabkan oleh kejatuhan dalam kesemua subsektor kecuali Ternakan dan Pertanian lain yang terus bertumbuh positif.

Eksport PKS

Ketua Perangkawan Malaysia turut menekankan bahawa, “Sumbangan eksport PKS kepada jumlah eksport pada tahun 2020 adalah 13.5 peratus di mana 9.4 peratus adalah daripada sektor Pembuatan. Selain itu, sektor Perkhidmatan menyumbang sebanyak 3.9 peratus dan sektor Pertanian 0.3 peratus. Eksport PKS mencatatkan penurunan 33.1 peratus kepada RM117.8 bilion pada tahun 2020 berbanding pertumbuhan 2.6 peratus pada tahun 2019, disebabkan oleh sektor Perkhidmatan (-62.1%) dan Pembuatan (-3.6%). Eksport PKS bagi sektor Pertanian pada tahun 2020 adalah RM2.3 bilion, merekodkan pertumbuhan 2.5 peratus yang disebabkan oleh peningkatan dalam eksport PKS bagi sayur-sayuran, perikanan, ayam/itik, pisang dan durian. Walau bagaimanapun, Eksport PKS bagi durian (termasuk durian segar, durian sejuk beku, ulas dan pes) mencatatkan peningkatan 34.6 peratus pada tahun 2020 kepada RM570.8 juta berbanding RM424.1 juta pada 2019. Destinasi utama pada 2020 adalah China (70.3%), Singapura (8.3%) dan Hong Kong (6.1%).”

Eksport PKS bagi sektor Pembuatan yang menyumbang sebanyak 69.3 peratus kepada jumlah eksport PKS pada tahun 2020, disokong oleh Pelbagai barang keluaran kilang, barang-barang keluaran kilang dan jentera dan kelengkapan pengangkutan. Destinasi utama untuk eksport PKS bagi sektor Pembuatan adalah Singapura yang menyumbang sebanyak 20.6 peratus diikuti oleh China (12.3%) dan Amerika Syarikat (7.4%). Eksport PKS bagi sektor Perkhidmatan merosot kepada RM33.9 bilion berbanding RM89.3 bilion pada tahun 2019. Kemerosotan ini disumbangkan oleh kejatuhan dua digit bagi aktiviti perjalanan dan pengangkutan.

Guna tenaga PKS

Mengulas mengenai kedudukan guna tenaga PKS pada 2020, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, "Penurunan yang lebih besar dapat dilihat dalam guna tenaga PKS berbanding pengurangan guna tenaga nasional, menunjukkan PKS lebih terkesan dengan pandemik. Guna tenaga PKS mencatatkan penurunan 0.9 peratus kepada 7.3 juta orang pada 2020, meliputi 48.0 peratus daripada guna tenaga nasional (2019: 48.4%)."

Guna tenaga bagi sektor Pertanian yang merangkumi 41.8 peratus atau 779 ribu orang, adalah satu-satunya sektor yang mencatatkan peningkatan pada tahun tersebut, namun pada kadar marginal 0.5 peratus. Sumbangan guna tenaga PKS bagi sektor Perlombongan & pengkuarian mencatatkan peningkatan 0.2 mata peratus kepada

28.3 peratus tetapi dari segi bilangan, ianya turun 1.3 peratus kepada 21 ribu orang. Sementara itu, guna tenaga PKS dalam sektor Pembuatan berkurang secara marginal 0.4 peratus dengan sumbangan 46.5 peratus manakala guna tenaga PKS dalam sektor Pembinaan yang merangkumi 48.1 peratus, terus menurun sebanyak 4.9 peratus pada 2020 (2019: -3.4%). Bagi guna tenaga PKS dalam sektor Perkhidmatan, merekodkan sumbangan 49.9 peratus, jatuh 0.6 peratus untuk merekodkan 4.6 juta orang pada 2020.

Mengulas lanjut mengenai produktiviti buruh PKS, Ketua Perangkawan berkata, "Produktiviti buruh PKS yang diukur sebagai nilai ditambah per pekerja jatuh 6.5 peratus pada 2020 merekodkan nilai RM70,706. Kesemua sektor ekonomi mencatatkan penurunan produktiviti buruh PKS sepanjang tahun tersebut dengan sektor Pembinaan jatuh dua digit 11.1 peratus diikuti oleh sektor Perkhidmatan (-8.6%) dan Perlombongan & pengkuarian (-5.9%). Di samping itu, produktiviti buruh PKS dalam sektor Pembuatan berkurang sebanyak 2.5 peratus manakala sektor Pertanian turun marginal 0.8 peratus."

Ketua Perangkawan Malaysia merumuskan bahawa "Segmen ekonomi yang mudah terkesan terutamanya bagi perusahaan mikro, kecil dan sederhana dilihat akan terus berhadapan dengan cabaran dalam waktu terdekat ini. PKS akan mengalami kesan yang lebih sukar dalam tempoh pemulihan terutamanya semasa pertengahan krisis kesihatan yang berpanjangan disebabkan oleh peningkatan kes COVID-19 serta sekatan sosial dan ekonomi yang telah dikenakan di seluruh negara. Walau bagaimanapun, melalui pelbagai inisiatif berdasarkan kepada pakej rangsangan ekonomi bagi PKS yang telah mula diperkenalkan oleh kerajaan diharap dapat mengatasi kesan COVID-19 kepada masyarakat dan ekonomi khususnya PKS Malaysia.


Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 (Banci Malaysia 2020) secara dalam talian (e-Census) sedang dilaksanakan di seluruh negara sehingga liputan penuh dapat dicapai. Semua penduduk Malaysia diseru untuk memberikan kerjasama dalam menjayakan Banci Malaysia 2020 bagi memastikan tiada yang ketinggalan kerana data anda masa depan kita. Sila layari portal Banci Malaysia 2020 di www.mycensus.gov.my atau media sosial @MyCensus2020 untuk maklumat lanjut.

Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
28 JULAI 2021


LAMPIRAN 1

Carta 1: KDNK Malaysia, KDNK PKS dan KDNK Bukan PKS pada Harga Malar - Perubahan Peratusan Tahunan




Nota: ¹Pertumbuhan PKS berdasarkan Definisi Baharu PKS bagi 2014 berbanding Definisi Lama PKS bagi 2013
²Pertumbuhan PKS berdasarkan Definisi Baharu PKS bagi 2014 berbanding Definisi Baharu PKS bagi 2013
³Pertumbuhan Bukan PKS berdasarkan Definisi Baharu PKS bagi 2014 berbanding Definisi Lama PKS bagi 2013
⁴Pertumbuhan Bukan PKS berdasarkan Definisi Baharu PKS bagi 2014 berbanding Definisi Baharu PKS bagi 2013


Carta 2: KDNK Malaysia dan KDNK PKS pada Harga Malar 2015 - Nilai dan Peratus Sumbangan



Carta 3: KDNK PKS mengikut Sektor pada Harga Malar 2015 - Perubahan Peratusan Tahunan



Carta 4: Eksport PKS mengikut Sektor - Perubahan Peratusan Tahunan



Carta 5: Guna Tenaga - Bilangan, Peratus Sumbangan dan Perubahan Peratusan Tahunan

